

Faktor-faktor Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Cemerlang di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan bagi Semester Disember 2005-Mei 2006

Meer Zhar Farouk Bin Amir Razli, Muhammad Shukri Salleh
dan Mohd Zahari Yusoff
Pensyarah Pengurusan
Universiti Teknologi MARA
Kampus Kelantan.
farouk955@kelantan.edu.my

Abstrak: Matlamat kajian adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar cemerlang. Kedua, kajian juga mengkaji apakah faktor-faktor yang akan meningkatkan lagi pencapaian pelajar-pelajar cemerlang ini. Ketiga, kajian mengkaji apakah terdapat perbezaan faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar lelaki dan wanita. Keempat, kajian juga melihat perkaitan pencapaian akademik pelajar dengan tahap pergaulan mereka. Sample kajian terdiri daripada 62% iaitu seramai 110 orang pelajar daripada semester 2 sehingga 7 diploma dan ijazah yang mempunyai pencapaian Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.5 dan keatas di UiTM Kampus Kelantan. Instrument kajian adalah satu soal selidik yang diedar kepada sampel kajian. Data dianalisa dan diproses dengan menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 12.0. Hasil kajian menunjukkan dorongan ibu bapa yang kuat menyumbang sebanyak 88.2% berada pada tahap sangat kuat dan kuat. Manakala dorongan ahli keluarga menyumbang sebanyak 89 % pada tahap kuat dan sangat kuat dalam memastikan kejayaan pelajar.

Katakunci: Akademik, pencapaian, faktor-faktor, cemerlang.

Pengenalan

Universiti merupakan institusi untuk melahirkan mahasiswa yang kemahiran personal dan professional. Universiti juga berperanan sebagai pusat latihan dan pendidikan untuk melahirkan profesional yang berjaya mengikut kehendak dan dasar negara. Untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik seseorang pelajar hendaklah menggunakan segala sumber dan kemahiran yang ada untuk mencapai kecemerlangan akademik yang diidam-idamkan. Namun begitu pembelajaran bukan sahaja berkaitan dengan peningkatan ilmu pengetahuan dalam sesuatu bidang ilmu tetapi juga berkaitan dengan mengaplikasi ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk diaplikasikan dalam kehidupan semasa dan masa depan.

Namun begitu kecemerlangan pelajar banyak juga bergantung kepada pelbagai faktor. Faktor kejayaan pelajar tidak sahaja bergantung kepada faktor diri sendiri atau dalaman (internal) tetapi juga faktor luaran(external). Ini kerana kejayaan mahasiswa dan mahasiswi di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) bukan sahaja bergantung kepada dirinya sahaja tetapi juga, sistem pendidikan, rakan-rakan, kemudahan, ibu-bapa dan persekitaran

Kecemerlangan Akademik

Kecemerlangan akademik dikalangan pelajar dapat diukur atau dinilai berdasarkan pencapaian seseorang pelajar di dalam peperiksaan. Mekanisma penilaian pelajar ini telah bermula semenjak bermulanya sistem pendidikan. Di Malaysia pelajar sekolah rendah di

nilai dengan pencapaian mereka dengan keputusan UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah). Pelajar sekolah menengah pula dinilai dengan 3 bentuk penilaian utama iaitu PMR (Penilaian Menengah Rendah), SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia). Manakala di IPT *performance* atau penilaian pelajar dinilai setiap semester dengan menggunakan Purata Nilai Gred (PNG) atau Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK).

Menurut Mohammad Shatar (2005) konsep kecemerlangan akademik pelajar di pengaruhi oleh 4 faktor utama iaitu **kemahiran bahasa, aktiviti sukan, personaliti dan imej diri dan persatuan**. Namun begitu beliau juga menekankan kepentingan pensyarah (tenaga pengajar) dalam memastikan kesemua faktor-faktor berjaya. Beliau juga telah menyatakan selain daripada faktor diri sendiri pelajar faktor luaran seperti persekitaran dan pensyarah juga penting kearah kecemerlangan pelajar.

Menurut Azizi Hj Yahaya, et. al., (2005) **gaya pembelajaran** mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik. Dan beliau juga menyatakan gaya pembelajaran ini dipengaruhi oleh bangsa, tahap pendidikan tertinggi, pekerjaan bapa, lokasi tempat kediaman serta pencapaian akademik responden.

Noor Saliza dan Zulkafli(2005) mengatakan bahawa **corak pembelajaran, sikap, tiada kemahiran belajar serta kurang dorongan** merupakan faktor utama permasalahan permasalahan pelajar yang lemah. Ini jelas menunjukkan elemen ini merupakan faktor penyumbang kepada kecemerlangan pelajar. Menurut mereka juga dalam kajian Mohamad Shatar (Metro, 9 November 2003) pula mendapati **sikap malas** merupakan faktor utama pelajar bumiputera tidak cemerlang dalam akademik. Mereka juga telah merujuk kepada Syed Hussein Alatas (Utusan Melayu, 20 Mei 2001) yang menyatakan antara kegagalan pelajar Melayu adalah **sikap pelajar yang tidak gemar membaca dan berbelanja pada perkara tidak penting, kurang dorongan keluarga dan pensyarah, serta pengaruh rakan-rakan**.

Che Halimah dan Abd Latif (2005) membuktikan bahawa dorongan **berautonomi yang tinggi** akan menunjukkan kompetensi tanggapan yang tinggi dan mereka akan menunjukkan pencapaian akademik yang cemerlang. Dengan kata lain pelajar yang diberi kuasa (atau ruang) untuk membuat keputusan dan membuat sesuatu dengan cara sendiri akan mendapat keputusan yang lebih cemerlang daripada pelajar yang suka diarah atau dipantau dengan rapi untuk membuat sesuatu.

Rosini Abu, et al., pula menyatakan bahawa **personaliti** mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan pencapaian akademik pelajar. Dalam kajian ini, personaliti telah diwakili dengan 7 dimensi iaitu, **motivasi, keyakinan, konsep kendiri, perhubungan dengan orang lain, kebimbangan, fokus dan emosi**. Beliau juga menyatakan Ackerman dan Heggsted (1997) menyatakan individu yang mempunyai **ciri personaliti, kebijaksanaan dan minat** dalam vokasional yang berbeza untuk berjaya untuk berjaya dalam peperiksaan.

Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti

1. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar PNGK 3.5 ke atas.
2. Mengetahui faktor utama yang mempengaruhi pencapaian pelajar ini.
3. Mengetahui adakah faktor jantina mempunyai signifikan dengan faktor kecemerlangan pelajar.
4. Mengetahui adakah faktor geografi (tempat tinggal) mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor kecemerlangan pelajar.
5. Mengetahui adakah tahap pergaulan mempunyai perhubungan yang signifikan dengan faktor kecemerlangan pelajar.

Persoalan Kajian

- Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar PNGK 3.5 ke atas?.
- Apakah faktor utama yang mempengaruhi pencapaian pelajar ini?
- Apakah faktor jantina mempunyai signifikan dengan faktor kecemerlangan pelajar?.
- Apakah faktor geografi mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor kecemerlangan pelajar?
- Adakah tahap pergaulan mempunyai perhubungan yang signifikan dengan faktor kecemerlangan pelajar?

Metodologi dan Instrumen

Kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan. Sejumlah 110 daripada jumlah keseluruhan pelajar yang mendapat PNG 3.5 dan keatas pada semester tersebut (bagi pelajar part 1) dan PNGK bagi pelajar semester ke 2 dan ke atas adalah 174 orang pelajar. Mereka ini terdiri dari pelbagai program dan tahun yang terlibat dalam penyelidikan ini. Pengumpulan data dibuat menggunakan soalselidik untuk melihat hubungan diantara faktor diri sendiri, persekitaran, keluarga , rakan, pensyarah, sistem pengajaran dan pembelajaran, bahasa inggeris dan faktor-faktor lain. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik yang telah diberikan pada Kursus High Achievers yang diadakan di Agro Resort, Setiu Terengganu.

Data daripada soalselidik yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Perisian Pakej Statistik untuk sains sosial (SPSS) versi 14.0. Data daripada soalselidik telah dianalisis dengan menggunakan kaedah diskriptif dan korelasi. Instrumen kajian menggunakan 32 instrument yang menampilkan persoalan yang menggunakan 5 sekala likert iaitu 1: sangat lemah, 2: lemah, 3: sederhana, 4: kuat dan 5: sangat kuat. Item-item ini dikategorikan kepada 7 faktor yang mempengaruhi kecemerlangan pelajar iaitu disiplin

diri, persekitaran, keluarga, rakan, pensyarah, sistem pengajaran dan pembelajaran, dan Bahasa Inggeris.

Penyelidik juga mencapai data demografik daripada responden seperti PNGK, jantina, umur, program, semester, negeri dan daerah asal, jangkamasa berada di UiTM, tahap pergaulan dan tahap keyakinan mengekalkan prestasi. Pencapaian akademik responden diukur dengan purata nilai gred kumulatif. Penerangan ketujuh-tujuh dimensi adalah seperti berikut:

Disiplin diri: Bahagian ini mempunyai 6 item. Ia cuba mengukur tahap disiplin diri pelajar, dalam tahap fokus responden dalam kelas, hubungan dan kekerapan responden bertanya dalam kelas dan sebagainya.

Persekitaran: Bahagian ini mempunyai 3 item. Ia cuba mengukur faktor persekitaran seperti bilik, masalah kewangan, dan kebolehan menyesuaikan diri dengan keadaan.

Keluarga: Bahagian ini mempunyai 3 item: Iaitu dorongan dan nasihat daripada keluarga, tiada masalah keluarga serta dorongan kuat daripada ibu-bapa.

Rakan: Bahagian ini mengukur tahap kepentingan rakan sebilik dan rakan sekelas seta pasangan dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Ia mempunyai 4 item.

Pensyarah: Bahagian ini mempunyai 3 item. Ia bertujuan untuk melihat adakah pensyarah mempengaruhi pencapaian pelajar cemerlang ini.

Sistem pengajaran dan pembelajaran: Bahagian ini mempunyai 4 item dan cuba mengukur adakah sistem pengajaran dan pembelajaran di UiTM ini mempengaruhi mereka mendapatkan keputusan yang cemerlang.

Bahasa Inggeris. Bahagian ini terdiri dari satu item sahaja. Ia cuba mengukur pendapat dan kesan bahasa inggeris kepada pencapaian pelajar cemerlang ini.

Ujian kepercayaan (Reliability Test) menunjukkan nilai pembolehubah keseluruhan instrumen kajian. Ia juga menunjukkan pemboleh ubah bagi setiap dimensi atau faktor kejayaan pelajar. Nilai kebolehpercayaan yang diperolehi adalah antara .868 kepada .780

Dapatan kajian

Dapatan menunjukkan responden kajian terdiri dari semester 2 sehingga semester 6. Kesemua pelajar ini terdiri daripada kumpulan pelajar cemerlang atau "High Achiever". Responden terdiri daripada 29 pelajar Ijazah dan selebihnya pelajar diploma. Kesemua pelajar ini dianggap sebagai pelajar cemerlang kerana mereka mempunyai pencapaian PNGK 3.5. Daripada keseluruhan responden 28 orang daripada Diploma Statistik, 19 orang daripada Diploma Perbankan, 15 orang daripada Ijazah Sains Komputer, 14 orang daripada ijazah Pengurusan Perniagaan, 13 orang daripadanya adalah pelajar Diploma Perakaunan, 9 orang daripada Diploma Pengajian Maklumat, 6 orang daripada Diploma Seni Lukis Seni Reka, dan 6 orang daripada Diploma Pengajian Perniagaan.

Majoriti pelajar terbaik terdiri daripada pelajar Diploma Statistik iaitu seramai 28 orang atau 25.5 peratus. Dan jumlah responden yang terendah adalah Diploma Pengajian Perniagaan dan Diploma Seni Lukis Seni Reka seramai 6 orang atau 5.5 peratus.

Jadual 1: Profile Demografik Pelajar

		Frequency	Percent
Program	Dip. In Accountancy	13	11.8
	Dip. Business Studies	6	5.5
	Dip. In Banking	19	17.3
	Dip. In Statistic	28	25.5
	Dip. In Information Studies	9	8.2
	Dip. Art and Design	6	5.5
	Bsc. Business Administration	14	12.7
	BSC. Computer Sciences	15	13.6
	Total	110	100.0
Semester	Semester 2	65	59.1
	Semester 3	1	0.9
	Semester 4	30	27.3
	Semester 5	3	2.7
	Semester 6	11	10.0
	Total	110	100.0

Daripada data juga didapati jumlah pelajar yang cemerlang adalah berbeza mengikut semester kemasukan biasanya pelajar pengambilan bulan Mac adalah lebih ramai yang mendapat keputusan yang lebih baik berbanding pengambilan semester Disember. Ini kerana pengambilan pada semester ini lebih mencabar kerana dikendalikan oleh UPU dan hanya yang terbaik akan dipilih.

**Jadual 2:
Faktor-faktor yang mempengaruhi Kecemerlangan Pelajar (PGNK 3.5 dan ke atas)**

Faktor	Item	N	Min	Max	Mean	Std. Deviation	Mean
Dorongan Keluarga	Dorongan ibu bapa yang kuat	110	1	5	4.53	0.821	
	Dorongan berterusan dari keluarga	110	1	5	4.52	0.798	
	Tiada masalah keluarga	110	1	5	4.07	1.09	4.37
Pensyarah	Pensyarah membantu	110	2	5	4.22	0.709	
	Berminat dengan sikap pensyarah	110	2	5	3.99	0.829	
	Kaedah pengajaran yang baik	110	2	5	3.9	0.812	4
Rakan	Sesuaikan diri dengan rakan	110	1	5	4.09	0.841	3.986

	Rakan sekelas membantu	110	1	5	4.01	0.807	
	Rakan sebilik membantu	110	1	5	3.86	0.972	
Sistem Pengajaran dan Pembelajaran	Pengajaran fokus peperiksaan	110	2	5	4.02	0.79	
	Dapat menyesuaikan diri	110	1	5	3.97	0.872	
	Sistem pengajaran UiTM sistematik	110	1	5	3.82	0.803	
	Penggunaan alat bantuan mengajar	110	1	5	3.8	0.764	
	Bilik yang selesa	110	1	5	3.68	0.948	3.858
Penguasaan Bahasa Inggeris	Penguasaan Bahasa Inggeris membantu	110	1	5	3.91	0.973	
	Budaya suka membaca	109	1	5	3.54	0.938	3.725
Disiplin Diri	Gemar dengan kursus yang diberi	110	1	5	3.95	0.861	
	Fokus dalam pelajaran	110	2	5	3.86	0.772	
	Tepat pada masa ke kelas	110	1	5	3.77	0.945	
	Kuasai teknik belajar	110	2	5	3.64	0.787	
	Disiplin tinggi	110	2	5	3.62	0.79	
	Bertanya kepada pensyarah	110	1	5	3.5	0.875	3.723
Persekitaran	Tiada masalah kewangan	110	1	5	3.65	1.046	
	Pasangan membantu	110	1	5	3.21	1.574	3.43

Secara keseluruhannya min untuk faktor(dimensi) kecemerlangan ini agak tinggi. Responden mempunyai min untuk item dorongan ibu-bapa, dorongan keluarga, pensyarah membantu, sistem permarkahan, menyesuaikan diri dan tiada masalah keluarga merupakan item utama yang mendorong kearah pencapaian yang cemerlang terhadap pelajar.

Jadual 3: Jadual Hubungkait Chi-Square Test* Jantina

	Variable	P-Value	Signifikan / Tidak
Dorongan Keluarga	Dorongan ibu-bapa yang kuat* jantina	.747	Tidak Signifikan
	Dorongan berterusan dari keluarga* jantina	.603	Tidak Signifikan
	Tiada masalah keluarga	.893	Tidak Signifikan
Pensyarah	Pensyarah membantu* jantina	.085	Tidak Signifikan
	Kaedah pengajaran yang baik* jantina	.037	Signifikan
	Berminat dengan sikap pensyarah* jantina	.592	Tidak Signifikan
Rakan	Sesuaikan diri dengan rakan* jantina	.893	Tidak Signifikan
	Rakan sebilik membantu* jantina	.132	Tidak Signifikan
	Rakan sekelas membantu* jantina	.040	Signifikan
Sistem Pengajaran dan Pembelajaran	Bilik yang selesa* jantina	.139	Tidak Signifikan
	Dapat menyesuaikan diri* jantina	.603	Tidak Signifikan
	Sistem Pengajaran UiTM sistematik* jantina	.258	Tidak Signifikan
	Penggunaan alat bantuan mengajar* jantina	.016	Signifikan
	Pengajaran fokus peperiksaan* jantina	.298	Tidak Signifikan
Penguasaan Bahasa Inggeris	Penguasaan Bahasa Inggeris membantu* jantina	.227	Tidak Signifikan

	Budaya suka membaca* jantina	.574	Tidak Signifikan
Disiplin Diri	Disiplin tinggi* Jantina	.863	Tidak Signifikan
	Fokus dalam pelajaran* Jantina	.323	Tidak Signifikan
	Bertanya kepada pensyarah* Jantina	.496	Tidak Signifikan
	Tepat pada masa ke kelas* jantina	.345	Tidak Signifikan
	Kuasai teknik belajar* jantina	.766	Tidak Signifikan
	Gemar dengan kursus yang diberi* jantina	.686	Tidak Signifikan
Persekitaran	Tiada masalah kewangan* jantina	.828	Tidak Signifikan
	Pasangan membantu* jantina	.067	Tidak Signifikan

Daripada ujian Chi-Square yang dilakukan kepada 7 faktor (dimensi) yang mempengaruhi kecemerlangan, hanya terdapat 3 item sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan jantina. Atau dengan kata lain kaedah pengajaran yang baik, rakan sekelas yang membantu dan penggunaan alat bantuan mengajar mempunyai kesan kepada pelajar yang berlainan jantina.

Jadual 3.1: Crosstab: Kaedah pengajaran yang baik* jantina

			Jantina		Total
			Lelaki	Perempuan	
Kaedah pengajaran yang baik	Lemah	Count	1	1	2
		% within Jantina	5.6%	1.1%	1.8%
	Sederhana	Count	4	32	36
		% within Jantina	22.2%	34.8%	32.7%
	Kuat	Count	4	39	43
		% within Jantina	22.2%	42.4%	39.1%
Sangat kuat	Count	9	20	29	
	% within Jantina	50.0%	21.7%	26.4%	
Total	Count	18	92	110	
	% within Jantina	100.0%	100.0%	100.0%	

Berdasarkan Rajah 3.1 kita dapat membuat satu kesimpulan bahawa pelajar lelaki mempunyai hubungan yang lebih kuat dengan kaedah pengajaran yang baik oleh pensyarah. Ini bermaksud jika pensyarah mengajar dengan baik dan berkesan pelajar lelaki atau siswa akan lebih mudah terpengaruh berbanding dengan pelajar perempuan.

Jadual 3.2: Crosstab: Rakan sekelas membantu* jantina

			Jantina		Total
			Lelaki	Perempuan	
Rakan sekelas membantu	Sangat lemah	Count	0	1	1
		% within Jantina	0.0%	1.1%	0.9%
	Lemah	Count	1	1	2
		% within Jantina	5.6%	1.1%	1.8%
	Sederhana	Count	0	23	23
		% within Jantina	0.0%	25.0%	20.9%
Kuat	Count	8	45	53	
	% within Jantina	44.4%	48.9%	48.2%	
Sangat kuat	Count	9	22	31	

Total	% within Jantina	50.0%	23.9%	28.2%
	Count	18	92	110
	% within Jantina	100.0%	100.0%	100.0%

Berdasarkan jadual 3.2 kita bolehlah membuat keputusan bahawa rakan sekelas mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar cemerlang. Dan pelajar siswa adalah lebih terpengaruh dengan rakan sekelas terutama dalam membantunya mencapai kecemerlangan berbanding pelajar perempuan.

Jadual 3.3: Crosstab: Penggunaan alat bantuan mengajar* jantina

			Jantina		Total
			Lelaki	Perempuan	
Penggunaan alat bantuan mengajar	Sangat lemah	Count	0	1	1
		% within Jantina	0.0%	1.1%	0.9%
	Lemah	Count	0	1	1
		% within Jantina	0.0%	1.1%	0.9%
	Sederhana	Count	0	36	36
		% within Jantina	0.0%	39.1%	32.7%
	Kuat	Count	12	41	53
		% within Jantina	66.7%	44.6%	48.2%
Sangat kuat	Count	6	13	19	
	% within Jantina	33.3%	14.1%	17.3%	
Total	Count	18	92	110	
	% within Jantina	100.0%	100.0%	100.0%	

Merujuk kepada jadual 3.3 bolehlah dikatakan kecemerlangan pelajar lelaki atau siswa adalah lebih terpengaruh kepada penggunaan alat bantuan mengajar berbanding dengan pelajar lelaki. Mungkin kerana mereka lebih menyukai sesuatu yang baru dan lebih cenderung untuk belajar dengan kaedah yang pelbagai.

Jadual 4: Hubungkait Chi-Square Test* Tempat tinggal

	Variable	P-Value	Signifikan / Tidak
Dorongan Keluarga	Dorongan ibu-bapa yang kuat	.613	Tidak Signifikan
	Dorongan berterusan dari keluarga	.717	Tidak Signifikan
	Tiada masalah keluarga	.094	Tidak Signifikan
Pensyarah	Pensyarah membantu	.869	Tidak Signifikan
	Kaedah pengajaran yang baik	.604	Tidak Signifikan
	Berminat dengan sikap pensyarah	.566	Tidak Signifikan

Rakan	Sesuaikan diri dengan rakan	.999	Tidak Signifikan
	Rakan sebilik membantu	.296	Tidak Signifikan
	Rakan sekelas membantu	.768	Tidak Signifikan
Sistem Pengajaran dan Pembelajaran	Bilik yang selesa	.134	Tidak Signifikan
	Dapat menyesuaikan diri	.839	Tidak Signifikan
	Sistem Pengajaran UiTM sistematik	.303	Tidak Signifikan
	Penggunaan alat bantuan mengajar	.665	Tidak Signifikan
	Pengajaran fokus peperiksaan	.966	Tidak Signifikan
Penguasaan Bahasa Inggeris	Penguasaan Bahasa Inggeris membantu	.392	Tidak Signifikan
	Budaya suka membaca	.230	Tidak Signifikan
Disiplin Diri	Disiplin tinggi	.160	Tidak Signifikan
	Fokus dalam pelajaran	.407	Tidak Signifikan
	Bertanya kepada pensyarah	.373	Tidak Signifikan
	Tepat pada masa ke kelas	.208	Tidak Signifikan
	Kuasai teknik belajar	.797	Tidak Signifikan
	Gemar dengan kursus yang diberi	.854	Tidak Signifikan
Persekitaran	Tiada masalah kewangan	.134	Tidak Signifikan
	Pasangan membantu	.184	Tidak Signifikan

Merujuk kepada jadual 4: Jadual Hubungkait Chi-Square Test* Tempat tinggal di dapati bahawa tempat tinggal sama ada di bandaraya, bandar, pekan atau kampung tidak langsung memberi kesan yang signifikan kepada keputusan cemerlang pelajar. Ini membuktikan dimana pelajar ini dibesarkan secara langsung tidak mempengaruhi kecemerlangan mereka.


Jadual 5: Jadual Hubungkait Chi-Square Test* Tahap Pergaulan

	Variable	P-Value	Signifikan / Tidak
Dorongan Keluarga	Dorongan ibu-bapa yang kuat	.130	Tidak Signifikan
	Dorongan berterusan dari keluarga	.053	Tidak Signifikan
	Tiada masalah keluarga	.548	Tidak Signifikan
Pensyarah	Pensyarah membantu	.210	Tidak Signifikan
	Kaedah pengajaran yang baik	.045	Signifikan
	Berminat dengan sikap pensyarah	.153	Tidak Signifikan
Rakan	Sesuaikan diri dengan rakan	.051	Tidak Signifikan
	Rakan sebilik membantu	.779	Tidak Signifikan
	Rakan sekelas membantu	.136	Tidak Signifikan
Sistem Pengajaran dan Pembelajaran	Bilik yang selesa	.260	Tidak Signifikan
	Dapat menyesuaikan diri	.950	Tidak Signifikan
	Sistem Pengajaran UiTM sistematik	.175	Tidak Signifikan
	Penggunaan alat bantuan mengajar	.050	Signifikan
	Pengajaran fokus peperiksaan	.114	Tidak Signifikan
Penguasaan Bahasa Inggeris	Penggunaan Bahasa Inggeris membantu	.011	Signifikan
	Budaya suka membaca	.002	Signifikan
Disiplin Diri	Disiplin tinggi	.110	Tidak Signifikan
	Fokus dalam pelajaran	.003	Signifikan
	Bertanya kepada pensyarah	.059	Tidak Signifikan
	Tepat pada masa ke kelas	.759	Tidak Signifikan
	Kuasai teknik belajar	.016	Signifikan
	Gemar dengan kursus yang diberi	.039	Signifikan
Persekitaran	Tiada masalah kewangan	.203	Tidak Signifikan

	Pasangan membantu	.376	Tidak Signifikan
--	-------------------	------	------------------

Daripada Ujian Chi-Square * Tahap Pergaulan dengan faktor yang mempengaruhi kecemerlangan pelajar, di dapati hanya 4 faktor yang mempunyai item yang signifikan. Iaitu pensyarah, sistem pengajaran dan pembelajaran, penguasaan Bahasa Inggeris serta disiplin diri

Rajah 1 : Kerangka Teoritikal Kajian



Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan pelajar adalah seperti berikut: Pertama Dorongan Keluarga, ini mungkin kerana pelajar masih banyak bergantung kepada nasihat, panduan, suruhan dan peringatan yang berterusan untuk terus sedar dan belajar. Ini juga membuktikan pelajar mempunyai kekuatan dalaman (internal influence) yang masih rendah dan mempunyai pergantungan yang cukup tinggi kepada peranan ibu-bapa dan ahli keluarga.

Pensyarah merupakan faktor kedua yang mempengaruhi kecemerlangan pelajar. Ini mungkin disebabkan pensyarah adalah ibu-bapa kedua pelajar selepas ibu-bapa sebenar di rumah. Ini sekali lagi menunjukkan pelajar masih bergantung kepada (external factor) faktor luaran untuk memastikan kecemerlangan mereka. Ini mungkin juga disebabkan oleh budaya sekolah rendah yang mana guru yang menentukan kecemerlangan pelajar.

Manakala Rakan merupakan faktor ketiga yang mempengaruhi kejayaan pelajar. Ini kerana jika mereka memilih rakan sebilik dan rakan sekelas yang membantu maka

mereka akan berjaya dan gagal jika sebaliknya. Ini sekali lagi menunjukkan (external factor) mempunyai peranan yang kuat dalam menentukan kejayaan.

Sistem Pembelajaran dan pengajaran juga mempengaruhi kejayaan pelajar. Ini mungkin kerana pembelajaran di universiti adalah lebih mudah kerana mempunyai *carry mark* atau markah yang dibawa melalui latihan dan projek sebanyak 40%- 60% atau lebih.

Penguasaan Bahasa Inggeris juga dikatakan membantu pelajar mendapat keputusan yang cemerlang. Ini adalah kerana semua proses pengajaran dan pembelajaran serta buku teks yang digunakan adalah dalam Bahasa Inggeris. Dan jawapan dalam peperiksaan juga ditulis dalam bahasa Inggeris

Disiplin diri juga merupakan faktor kecemerlangan pelajar. Ini kerana disiplin amat penting dalam menentukan kecemerlangan pelajar. Dan faktor yang terakhir adalah persekitaran yang membantu seperti faktor kewangan dan sebagainya.

Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Kajian yang dicadangkan pada masa hadapan adalah melihat semua faktor-faktor mempengaruhi kecemerlangan pelajar dengan item yang lebih menyeluruh. Kajian ini juga perlu dibuat dengan membandingkannya dengan faktor dan trend pelajar cemerlang di IPTA dan IPTS lain. Kerana ini akan memberikan gambaran yang lebih tepat tentang faktor yang telah dijelaskan.

Penyelidikan dan perbandingan trend faktor kecemerlangan sekolah rendah, menengah dan IPT juga boleh dilakukan untuk mengenalpasti kaedah dan cara pendekatan yang sesuai untuk meningkatkan lagi jumlah pelajar cemerlang di Malaysia.

Rujukan:

Azizi Hj Yahya, Shahrin Hashim, Ahmad Johari Sihes & Nora Mislan (2005). Orientasi pembelajaran di kalangan pelajar institut pengajian tinggi awam di Malaysia dan implikasi pencapaian dalam akademik. 3rd International Seminar on Learning and Motivation: Enhancing Student Engagement. Malaysia, Langkawi.

Che Halimah Bt Hassan & Abdul Latif Abdul Rahman (2005). Autonomi dan kompetensi terhadap kecemerlangan pembelajaran : Perspektif teori penemuan diri. 3rd International Seminar on Learning and Motivation: Enhancing Student Engagement. Malaysia, Langkawi.

Mohd Shatar Sabran (2005). Pandangan pelajar terhadap peranan pensyarah ke arah melahirkan pelajar cemerlang. 3rd International Seminar on Learning and Motivation: Enhancing Student Engagement. Malaysia, Langkawi.

Noor Saliza & Zulkafli Mohd. Yusof (2005). Permasalahan akademik pelajar di Universiti Teknologi MARA: Kajian pengenalan. 3rd International Seminar on Learning and Motivation: Enhancing Student Engagement. Malaysia, Langkawi.

Rosini Abu, Aida Suraya, Md Yunus, Wan Zah Wan Ali, Ramlah Hamzah, Rohani Ahmad Tarmizi, Habsah Ismail, Syarifah Nor & Kamariah Abu Bakar. (2005). Hubungan antara ciri personaliti dengan pencapaian akademik. 3rd International Seminar on Learning and Motivation: Enhancing Student Engagement. Malaysia, Langkawi.